KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			



BUAYA tembaga muncul di Sungai Pulau Gadong pada musim banjir.

Buaya gemparkan penduduk

Melaka: Penduduk sekitar Sungai Pulau Gadong di sini, terkejut susulan kemunculan seekor buaya tembaga sepanjang tiga meter ketika kebanyakan penduduk berdepan musibah banjir.

Kemunculan buaya itu turut viral di media sosial selepas penduduk mendapati reptilia itu menyusuri sungai berkenaan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Melaka, Mohd Firdaus Mahmood berkata, pihaknya menyedari kemunculan buaya berkenaan dan kini melakukan pemantauan bagi memastikan situasi terkawal.

Katanya, Perhilitan menyedari kewujudan buaya itu dan sudah meletakkan papan tanda amaran berkaitan buaya berkenaan.

Menurutnya, haiwan itu jelas dapat dilihat dari jambatan di sungai itu susulan banjir yang berlaku.

"Bagaimanapun haiwan itu tidak menggganggu manusia dan belum ada kes serangan ke atas penduduk setakat ini. Namun orang ramai dinasihati tidak mengganggu buaya itu atau berada di persisiran sungai terutama untuk memancing," katanya.

Perhilitan mengesan hanya seekor buaya setakat ini

Beliau berkata, setakat ini pihaknya mengesan hanya seekor buaya di kawasan itu yang menjadi laluannya.

Pemantauan turut dilakukan di Sungai Klebang dan Pantai Puteri bagi memastikan keselamatan umum.